

3rd Jun 2019

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) C4 Triang

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk SPOC C4 Triang. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Ladang			
SPOC Triang			
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
SPOC Triang	Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) C4 Triang Cawangan Temerloh Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji Temerloh 28000 Temerloh Pahang, Malaysia	3° 27'05.2"N 102° 25'14.2"E	1509.00
Jumlah Luas Ladang			1509.00

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan SPOC C4 Triang pada 9 – 12 Julai 2019. Audit pensijilan akan diadakan menurut MS2530-2:2013 – *General principles for independent smallholders*. Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di SPOC C4 Triang terdiri daripada:

Mohamed Fadzli Masran sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Alam Sekitar, HCV, Aspek Undang-undang & Sosial), **Muhamad Naquiddin Mazeli** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, , temuduga stakeholder dalaman dan luaran) dan **Valence Shem** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang dan Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar



- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU Auditee:

SPOC C4 Triang
Amiratul Azzuwana Aniqah Binti Abdul Rahman
Research Officer
Sustainability, Conservation & Certification Unit
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Tel : 603-8769 3945
Fax : 603-8922 2016
Email : amiratul.aniqah@mpob.gov.my

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim